



GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PREMIS PEJABAT URUSAN

JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN (BAHAGIAN PELESENAN)
MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH
JALAN AHMAD SHAH, 28000 TEMERLOH, PAHANG DARUL MAKMUR
09-290 1540 / 1541 / 1551 / 1552

TARIKH KUATKUASA GARIS PANDUAN :
01 JANUARI 2022



1. NAMA PELESENAN

Lesen Perniagaan Pejabat Urusan

Majlis Perbandaran Temerloh
Kompleks Pejabat Plaza Temerloh
Jalan Ahmad Shah
28000 Temerloh

2. AGENSI MELESEN

2.1 Badan Pendaftar Perniagaan

2.1.1 Adalah menjadi kewajipan setiap perniagaan yang dijalankan wajib mendaftar dengan pihak kuasa melesen seperti jadual di bawah terlebih dahulu sebelum membuat permohonan Lesen Perniagaan daripada Majlis Perbandaran Temerloh.

2.1.2 :

NO.	DOKUMEN DAFTAR PERNIAGAAN	PIHAK BERKUASA MELESEN
1.	Pendaftaran Perniagaan & Pendaftaran Syarikat (entiti enterprais/ syarikat/ LLP/ Sdn Bhd)	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
2.	Pendaftaran Koperasi	Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
3.	Pendaftaran Pengamal Aktiviti Profesional i. Akauntan bertauliah ii. Peguam iii. Arkitek iv. Jurutera v. Jurukur Bahan vi. Jurukur Tanah	Institut Akauntan Malaysia (MIA) Badan Peguam Malaysia (BAR) Lembaga Arkitek Malaysia Lembaga Jurutera Malaysia Lembaga Jurukur Bahan Malaysia Lembaga Jurukur Tanah Malaysia

2.1.3 :

BIL	AKTIVITI PERNIAGAAN	DOKUMEN TAMBAHAN	PIHAK BERKUASA MELESEN
4.	Pejabat Urusan Kontraktor Gas	Perakuan Pendaftaran Kontraktor Gas	Suruhanjaya Tenaga (ST), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA)
5.	Pejabat Urusan Agen Pelancongan / Agen Pengembaraan	Lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC)
6.	Pejabat Urusan Pemaju Perumahan	Lesen Pemaju Perumahan Permit Iklan & Jualan Baru Pemaju	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
7.	Pejabat Urusan Agensi Pekerjaan Swasta	Lesen Agensi Pekerjaan Swasta	Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Kementerian Sumber Manusia (MOHR)
8.	Pejabat Urusan Agensi Persendirian	Lesen Agensi Persendirian	Kementerian Dalam Negeri (KDN)
9.	Pejabat Urusan Syarikat Perunding	Pendaftaran Syarikat Amalan	Lembaga Jurutera Malaysia (BEM)
10.	Pejabat Urusan Kontraktor	Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

3. OBJEKTIF PELESENAN

Garis Panduan Permohonan Lesen Perniagaan Pejabat Urusan ini merupakan satu kewajipan kepada peniaga sekiranya premis tersebut dijadikan sebagai Pejabat Urusan bagi menjalankan aktiviti perniagaan. Lesen Perniagaan Pejabat urusan adalah satu lesen yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Temerloh bagi membenarkan operasi perniagaan tersebut berjalan dengan mematuhi Peruntukan Undang-Undang Kecil (UUK) Majlis Perbandaran Temerloh di dalam Kawasan Majlis Perbandaran Temerloh.

4. SKOP PELESENAN

Syarikat atau Individu yang ingin menjalankan aktiviti perniagaan Perkhidmatan Pejabat urusan di dalam bangunan , ruang atau bilik di kawasan Majlis Perbandaran Temerloh mestilah memohon Lesen Pejabat Urusan terlebih dahulu.

4.1 - Jenis aktiviti Pejabat Urusan yang perlu dilesenkan adalah seperti berikut :

1. Sektor Perkilangan dan Perindustrian
2. Sektor Perkhidmatan Peruncitan dan Jualan
3. Sektor Perkhidmatann Pusat Latihan dan Pendidikan
4. Sektor Perkhidmatan Hospitaliti dan Perhotelan
5. Sektor Perkhidmatan Kesihatan
6. Sektor Perkhidmatan Pergudangan dan Penyimpanan
7. Sektor Perkhidmatan Kewangan dan Insurance
8. Sektor Pemborong / Pembekal / Pengedar
9. Sektor Perkhidmatan Pejabat Urusan

5. BILA PERLU DIPOHON

Sebelum sesuatu aktiviti perniagaan hendak beroperasi, pemilik syarikat atau individu hendaklah memohon Lesen Perniagaan Pejabat urusan terlebih dahulu. Sekiranya terdapat sebarang ubahsuai melibatkan pecahan dinding, binaan penutup longkang, binaan *ramp*, binaan *awning* pemohon perlu mendapatkan kelulusan/permit daripada Jabatan Kawalan Bangunan sebelum membuat permohonan lesen.

6. PUNCA KUASA / ASAS PERUNDANGAN PENGELUARAN PELESENAN

Berikut adalah senarai perundangan dan peraturan yang digunakan dalam mengawalselia aktiviti perniagaan yang dijalankan di negeri Pahang :

1. Akta Kerajaan Tempatan 1976
2. Perintah Tetap Bilangan 5/2013: Garis Panduan Pemprosesan Sokongan Pelesenan Perniagaan, Jabatan BOMBA dan Penyelamat Malaysia
3. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984
4. Undang-Undang Kecil Bangunan Pahang 1996 (Pindaan) 2000 & (Pindaan) 2007
5. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (Majlis Daerah Temerloh) 1984
6. Undang-Undang Kecil Iklan (MPT) Tahun 2000

7. PENGECUALIAN

Jenis aktiviti Pejabat Urusan yang diberi pengecualian oleh Majlis Perbandaran Temerloh bagi beberapa aktiviti perniagaan profesional adalah :

1. Klinik Perubatan / Pergigian Swasta
2. Institusi Kewangan / Bank
3. Pejabat Urusan Aktiviti Profesional Akauntan bertauliah
4. Pejabat Peguam
5. Pejabat Arkitek
6. Pejabat Jurutera
7. Pejabat Jurukur Bahan dan Jurukur Tanah

8. SYARAT-SYARAT SEBELUM & SELEPAS PERMOHONAN

Berikut adalah syarat-syarat dan keperluan asas yang perlu dipenuhi oleh pengusaha perniagaan sebelum dan selepas membuat permohonan lesen :

BIL	SYARAT SEBELUM PERMOHONAN	SYARAT SELEPAS PERMOHONAN
1.	Premis mempunyai Sijil Layak Menduduki/ Sijil Pematuhan (CF/ CCC)/ Permit Bangunan yang sah	Lesen hendaklah sentiasa dipamerkan ditempat yang mudah dilihat.
2.	Aktiviti perniagaan yang dijalankan mematuhi semua keperluan syarat guna bangunan atau lain-lain keperluan berkaitan.	Memperbaharui lesen sebelum tamat tempoh sah laku lesen.
3.	Jika premis yang diubahsuai hendaklah mendapat kelulusan PBT serta mematuhi peraturan keselamatan dan peraturan-peraturan lain yang berkenaan	Dilarang menjalankan ubahsuai premis tanpa kelulusan berkaitan.
4.	Memastikan cukai taksiran dan kompaun tertunggak yang dikenakan oleh PBT dibayar serta mematuhi segala syarat-syarat penggunaan bangunan yang berkaitan.	Hanya menjalankan aktiviti perniagaan yang dilesenkan sahaja. Perlu membuat permohonan pindaan jika terdapat tambahan berkaitan.
5.	-	Memastikan pekerja samaada tempatan atau warga asing mematuhi keperluan peraturan yang dikuatkuasa oleh pihak berkuasa berkaitan

9. SYARAT DAN DOKUMEN ASAS PERMOHONAN

- 9.1 Perlu melengkapkan borang komposit bagi permohonan lesen premis perniagaan dan iklan di kaunter berpusat Majlis Perbandaran Temerloh atau boleh didapati dengan memuat turun dari laman web : www.mpt.gov.my.
- 9.2 Dokumen yang telah lengkap hendaklah dihantar dan didaftarkan di Kaunter Berpusat Majlis Perbandaran Temerloh.
- 9.3 Sekiranya terdapat sebarang ubahsuai melibatkan pecahan dinding, binaan penutup longkang, binaan *ramp*, binaan *awning* pemohon perlu mendapatkan kelulusan/permit daripada Jabatan Kawalan Bangunan MPT (*Permohonan masih boleh dikemukakan sementara menunggu kelulusan/permit teknikal yang lain*).
- 9.4 Melampirkan dokumen sokongan seperti di dalam senarai semak borang permohonan lesen perniagaan dan iklan seperti berikut :

BIL	NAMA MAKLUMAT/DOKUMEN
1.	Borang Komposit bagi Permohonan Lesen Premis Perniagaan dan Iklan.
2.	Satu (1) salinan Kad Pengenalan.
3.	Dua(2) keping gambar berukuran pasport (satu dilekatkan di borang dan satu dikepilkan pada borang.
4.	Salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat (Borang 24 dan Borang 49).
5.	Pelan Lokasi Perniagaan.
6.	Surat Kelulusan Pelan BangunanTempat Perniagaan / Permit Bangunan Sementara.
7.	Gambar hadapan dan dalam bangunan tempat perniagaan.
8.	Salinan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CCC/ CFO).
9.	Salinan Hakmilik / Perjanjian Sewaan / Lesen Pendudukan Sementara (LPS)
10.	Salinan Cukai Harta Terkini
11.	Surat sokongan Bomba (Premis yang berkaitan)
12.	Lakaran visual papan iklan berwarna bersaiz A4 berukuran tepat dalam meter persegi dan Sijil Kelulusan Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) (Jika berkaitan)


10. KAEDAH PERMOHONAN & CARTA ALIR

10.1 – Kaedah Permohonan :

ATAS TALIAN	Belum diaktifkan
MANUAL	<p data-bbox="746 701 1142 770">Kaunter Berpusat Majlis Perbandaran Temerloh</p> <p data-bbox="778 790 1107 824">Waktu Operasi Kaunter :</p> <p data-bbox="847 869 1038 898">Isnin – Khamis</p> <ul data-bbox="772 913 1161 947" style="list-style-type: none">➤ 08.00 Pagi – 04.30 Petang <p data-bbox="895 987 991 1016">Jumaat</p> <ul data-bbox="746 1032 1193 1111" style="list-style-type: none">➤ 08.00 Pagi – 12.15 tengah hari➤ 02.45 Petang – 04.30 Petang <p data-bbox="778 1144 1107 1173">No. Telefon : 09-2901785</p>

10.2 – Carta Alir :

CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN PEJABAT URUSAN



11. SYARAT SELEPAS PERMOHONAN :

1. Lesen hendaklah sentiasa dipamerkan ditempat yang mudah dilihat.
2. Memperbaharui lesen sebelum tamat tempoh sah laku lesen.
3. Dilarang menjual lesen/ dipindah milik kepada pihak ketiga tanpa kelulusan PBT.
4. Hanya menjalankan aktiviti perniagaan yang dilesenkan sahaja. Perlu membuat permohonan pindaan jika terdapat tambahan berkaitan.
5. Tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap pemegang lesen yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan.

12. KAEDAH PEMBAHARUAN LESEN :

Pengusaha / peniaga hendaklah memperbaharui Lesen Perniagaan dengan cara datang terus ke Kaunter Berpusat Majlis Perbandaran Temerloh dengan membawa Lesen Perniagaan asal atau salinan sebelum ianya tamat tempoh.

13. PIAGAM PELANGGAN

13.1 Tempoh Pemprosesan Permohonan Lesen

Tempoh keputusan kelulusan Permohonan Lesen Perniagaan Pejabat Urusan akan diketahui atau dimaklumkan dalam masa tujuh (7) hari bekerja dari permohonan lesen diterima.

13.2 Tempoh memperbaharui Lesen

Tempoh memperbaharui lesen perniagaan adalah 30 minit di Kaunter Berpusat.

14. FI LESEN

BIL	ITEM	FI (RM)	PEMBAYARAN (BAYARAN ADALAH TUNAI / KREDIT KAD DI KAUNTER)															
1	Proses Permohonan	30.00	Semasa membuat permohonan															
2	Kadar Fi Lesen	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Ukuran Minima (mp²)</th> <th>Ukuran Maksima (mp²)</th> <th>RM (Setahun)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>0</td> <td>70.00</td> <td>180.00</td> </tr> <tr> <td>71.00</td> <td>140.00</td> <td>240.00</td> </tr> <tr> <td>141.00</td> <td>279.00</td> <td>480.00</td> </tr> <tr> <td>279.00</td> <td>9999.00</td> <td>900.00</td> </tr> </tbody> </table>	Ukuran Minima (mp ²)	Ukuran Maksima (mp ²)	RM (Setahun)	0	70.00	180.00	71.00	140.00	240.00	141.00	279.00	480.00	279.00	9999.00	900.00	Selepas Permohonan diluluskan
Ukuran Minima (mp ²)	Ukuran Maksima (mp ²)	RM (Setahun)																
0	70.00	180.00																
71.00	140.00	240.00																
141.00	279.00	480.00																
279.00	9999.00	900.00																

15. KEPUTUSAN PERMOHONAN

Output	-
Kaedah Penyampaian Keputusan Kepada Pemohon	<ul style="list-style-type: none"> • SMS • Surat Kelulusan Permohonan • Telefon

16. PEMBATALAN LESEN

Sekiranya operasi perniagaan ingin ditamatkan, maka pengusaha hendaklah mengisi borang pembatalan lesen dengan kadar segera di Kaunter Berpusat Majlis Perbandaran Temerloh.

17. PAUTAN BORANG PERMOHONAN :

http://www.mpt.gov.my/sites/default/files/mpt/sumber/muat_turun_borang/bahagian_pelesenan/bless_mpt_borang_komposit_lesen_perniagaan_dan_papan_tanda_iklan.pdf